

MENINGKATKAN PERATUS PEMERIKSAAN GIGI IBU MENGANJUNG DI KLINIK PERGIGIAN BUKIT BETONG



Rasyidah Fatimah Awatif R¹, Siti Nur Afifah R¹, Fariha FK, Siti Nur Hayati ZA², Amira Sakinah A³, Fatiha Izzaty MA², Hannah Liyana MI⁴, Najihah K³, Siti Khadijah MN⁵, Amira Sabrina Z¹

¹Klinik Pergigian Kuala Lipis, Pahang, ²Klinik Pergigian Bukit Betong, Pahang, ³Klinik Pergigian Sungai Koyan, Pahang, ⁴Klinik Pergigian Padang Tengku, Pahang, ⁵Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) Bukit Betong, Pahang

PENGENALAN

Ibu mengandung (IM) mudah menghadapi masalah pergigian kerana perubahan hormon seperti meningkatkan risiko komplikasi kelahiran pramatang dan kelahiran bayi kurang berat badan.

Pemeriksaan gigi ibu mengandung adalah langkah awal untuk mengesan masalah pergigian. Kehadiran ibu mengandung di Klinik Pergigian Bukit Betong (KPBB) adalah rendah dalam daerah Lipis.

01 PEMILIHAN PELUANG PENAMBAHBAIKAN

Mengenalpasti Masalah


MASALAH	STD	2019	2020
Kehadiran IM untuk pemeriksaan gigi yang rendah di KPBB	85%	17.4%	48.2%

Rasional Pemilihan Masalah

S	Pemeriksaan gigi kepada IM adalah langkah awal untuk mengesan masalah pergigian
M	Data peratusan pemeriksaan gigi IM ke KPBB boleh didapati melalui PG 101 Bukit Betong dan reten IM di KKIA Bukit Betong (KKIA BB).
A	Selaras dengan sasaran standard 'District Specific Approach (DSA) yang mensasarkan peratusan liputan IM sebanyak 85%
R	Peratus pemeriksaan gigi IM di KPBB boleh dipertingkatkan melalui tindakan penambahbaikan yang berkesan.
T	Projek boleh diselesaikan dalam tempoh kajian (6 bulan)

02 PENGUKURAN UTAMA PENAMBAHBAIKAN

Carta Sebab dan Akibat




Pernyataan Masalah

Antara faktor ibu mengandung tidak ke klinik untuk mendapatkan pemeriksaan pergigian adalah:

- kurang lawatan ke KPBB oleh pegawai pergigian
- kurang rujukan dari KKIA
- tiada pemantauan pesakit di KKIA oleh pegawai pergigian
- ibu mengandung yang tidak berminat untuk melakukan pemeriksaan.

Diharapkan kajian ini dapat mengenal pasti lebih lanjut faktor penyumbang dan tindakan penambahbaikan dapat diambil bagi mengatasi masalah ini.

Proses Kerja



Objektif Utama

Meningkatkan peratus pemeriksaan pergigian IM di KPBB

Objektif Spesifik

1. Untuk menentukan peratusan pemeriksaan gigi IM di KPBB
2. Untuk mengenalpasti faktor yang menyumbang kepada IM tidak mendapatkan pemeriksaan pergigian di KPBB
3. Untuk merangka tindakan penambahbaikan berdasarkan faktor-faktor penyumbang yang telah dikenalpasti
4. Untuk menilai semula keberkesanan tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan

Indikator dan Standard

INDIKATOR	FORMULA	STANDARD
Peratus IM yang hadir ke KPBB untuk pemeriksaan	$\frac{\text{Jumlah IM yang hadir ke KPBB untuk pemeriksaan pertama}}{\text{Jumlah ibu mengandung baru yang mendaftar di KKIA BB}} \times 100$	85%

03 PROSES PENGUMPULAN MAKLUMAT

Metodologi			
Sampel	IM di bawah KPBB	Jururawat KKIA	IM di bawah KKIA BB
Kriteria Eksklusi	IM tidak hadir ke KPBB	Jururawat yang tiada di KKIA BB	IM tidak hadir ke KPBB IM yang keguguran/ telah melahirkan /yang enggan berkejasama
Kaedah Kajian	Data PG101: Buku Daftar Pesakit dan reten IM KKIA	Soal Selidik	Soal Selidik

Tempoh kajian: Sept 2021 (1 bulan), Data Jan-Sept 2021


04 ANALISIS DAN INTERPRETASI

Hasil Kajian 1: Jumlah IM yang diperiksa

38.1% IM yang telah mendapatkan pemeriksaan pergigian

Hasil Kajian 2: Faktor Utama Penyumbang IM tidak mendapatkan pemeriksaan:

1. Sukar untuk hadir mengikut tarikh lawatan KPBB
2. Tidak dirujuk/ diminta oleh jururawat KKIA BB ke KPBB untuk pemeriksaan gigi
3. Merasakan tidak perlu memeriksa gigi kerana tidak sakit gigi/ tiada masalah pergigian
4. Pesakit IM tidak berminat untuk memeriksa gigi




Hasil Kajian 3: Pengetahuan, sikap & amalan staf

Tahap pengetahuan adalah memuaskan manakala tahap sikap dan amalan jururawat terhadap kesihatan mulut dan pergigian IM adalah baik, melebihi 60%

05 STRATEGI PENAMBAHBAIKAN

1. Kerjasama bersama staf KKIA




1. Mengetahui gerak kerja KKIA dengan terperinci
2. Mendapatkan hari lawatan IM mengikut zon
3. Turut serta lawatan ke klinik desa.
4. Mengambil maklum kekangan kehadiran IM

2. Meningkatkan rujukan IM kepada pegawai pergigian



1. Mewujudkan recall system
2. Tagging kad IM
3. Cop status IM

3. Meningkatkan kesedaran & ilmu pengetahuan staf



1. Sesi CDE secara langsung & atas talian bersama jururawat KKIA.

4. Meningkatkan kesedaran IM tentang kepentingan pemeriksaan gigi




1. Media sosial untuk menyebarkan info pergigian.
2. Kod QR instagram dipamer di pendaftaran & diselit dalam buku pink.
3. Tayangan video kepada IM.
4. Tayangan video dalam bahasa orang asli suku semai.

06 KESAN PENAMBAHBAIKAN


Peningkatan 129.2% ibu mengandung mendapatkan pemeriksaan pergigian

Data Sukan	IM Baru KPBB / IM Baru KKIA BB	Peratus (%)	Peratus sebelum dan selepas langkah penambahbaikan
Jan – Mac 2021	6/25	24.00%	38.1% (SEBELUM) 129.2% (SELEPAS)
Apr – Jun 2021	14/34	41.18%	
Jul – Sept 2021	12/25	48.00%	
Oct – Dec 2021	31/24	129.17%	
JUMLAH	63/108	58.3%	

Tahap pengetahuan, sikap dan amalan jururawat KKIA selepas strategi penambahbaikan



Kesan Perubahan kepada ABNA (Achievable Benefit Not Achieved)



ABNA bertambah baik dari 46.9% kepada - 44.2%

07 LANGKAH SETERUSNYA

- Pemantauan tindakan penambahbaikan akan dijalankan setiap 6 bulan sekali.
- Meneruskan CDE, recall dan aktiviti penambahbaikan yang dirancang.
- Meneruskan sambungan kajian fasa 2 yang akan dijalankan pada Januari 2022.